

10 MAR 1998

Mahathir-Myanmar

MYANMAR CAPAI BANYAK KEMAJUAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Syed Jamil Jaafar

YANGON, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Myanmar sudah mencapai banyak kemajuan sejak ia berubah kepada sistem ekonomi berasaskan pasaran.

Beliau berkata sejak lawatannya yang lepas ke negara ini 10 tahun lalu beliau mendapati kegiatan ekonomi di negara ini telah meningkat dengan pesatnya.

"Kini sudah terdapat banyak hotel, kawasan perindustrian dan pelaburan di sini dan kemajuan ini begitu ketara sekali," kata beliau pada persidangan berita pada akhir lawatan rasmi dua hari.

Myanmar, yang sebelum ini mengamalkan dasar memencilkan diri, telah membuka pasarannya akhir-akhir ini dan telah diterima menjadi anggota Asean pada Julai tahun lepas.

Malaysia dan negara anggota Asean yang lain telah menggunakan pendekatan "hubungan membina" terhadap Myanmar dalam usaha untuk mendorong negara ini melancarkan perubahan politik dan ekonomi, dan menyertai masyarakat antarabangsa.

Dr Mahathir dalam perbincangan dengan pemimpin Myanmar semalam telah memberi penekanan tentang perlunya sesebuah negara, walaupun mempunyai hak untuk mengikut apa jua corak pemerintahan yang difikirkan sesuai baginya, turut menimbang untuk menerima amalan dan norma masyarakat antarabangsa.

Perdana Menteri yang telah melawat projek hotel/apartmen usahawan Malaysia di sini pagi ini, berkata Malaysia ingin meningkatkan pelaburannya di negara ini tetapi pada masa ini ia tidak dapat berbuat demikian kerana krisis ekonomi dan matawang yang sedang dihadapi.

"Sebaik sahaja kita pulih, kita sudah tentu akan menimbang untuk melabur dengan lebih banyak lagi di Myanmar," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, usaha akan dilakukan untuk meningkatkan perdagangan dua hala yang kini berjumlah RM1.1 bilion, dengan imbalan perdagangan yang menguntungkan Malaysia.

Beliau berkata Myanmar bersetuju dengan cadangan supaya mata wang serantau digunakan dalam perdagangan sesama anggota Asean dan perdagangan dengan negara lain di rantau ini.

Memandangkan Malaysia dan Myanmar kekurangan matawang asing, kedua-dua negara juga bersetuju untuk mempertingkatkan perdagangan tukar barang.

Dr Mahathir berkata Myanmar menawarkan banyak barangan terutama barangan makanan seperti cili, bawang dan ubi kentang yang boleh dimport oleh Malaysia.

Malaysia boleh menjual barangan elektronik dan elektrik serta bahan binaan yang banyak diperlukan untuk pelbagai projek pembinaan di negara ini.

Mengenai Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di London bulan depan dan kontroversi berkaitan penyertaan Myanmar pada mesyuarat itu memandangkan negara ini kini sudah menyertai Asean, Dr Mahathir berkata penyertaan negara anggota Asean pada ASEM adalah atas dasar individu dan bukan secara blok Asean.

Oleh kerana penyertaan pada ASEM tidak diperluaskan untuk memasukkan anggota baru dari Asia atau Eropah, Myanmar belum lagi menjadi negara pesertanya.

Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara peserta, Dr Mahathir berkata beliau akan menghadiri mesyuarat di London itu.

Ketika ditanya bilakah pada fikirannya krisis matawang di rantau ini

akan berakhir, Dr Mahathir berkata krisis itu adalah disebabkan oleh mereka dari luar rantau ini.

"Krisis itu akan berterusan selagi mereka mendapati mereka boleh mengaut wang dan akan berhenti apabila mereka rasa ia tidak akan mendatangkan apa-apa keuntungan lagi kepada mereka," kata beliau.

Dr Mahathir telah melawat projek Hotel/Apartmen MICASA milik MASSCORP (Malaysia South-South Corporation) dan pelabuhan baru THILAWA dekat sini.

Beliau berlepas pulang petang ini. -- BERNAMA

SJ NMO